

# Tiga hotel dikendalikan warga asing ditutup

**PETALING JAYA** – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup serta-merta tiga premis hotel dikendalikan warga asing dalam operasi khas KL Strike Force di sekitar Kuala Lumpur.

DBKL dalam hantaran di Facebook memaklumkan, pihaknya telah melaksanakan siasatan dan pemantauan selama seminggu di lokasi-lokasi hotspot dengan beberapa premis telah dikenal pasti untuk dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Katanya, semasa operasi dijalankan terdapat empat buah premis hotel beroperasi tanpa lesen perniagaan yang sah serta dikendalikan oleh warga asing.

“Hasil daripada operasi

tersebut, tiga premis hotel telah dikenakan tindakan tutup serta-merta di bawah Akta Hotel (WPKL) 2003.

“Selain itu, DBKL juga mengeluarkan Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan di bawah Akta Hotel (WPKL) 2003 dan Notis Tawaran Kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 atas pelbagai kesalahan,” katanya semalam.

Katanya, pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

“Orang awam boleh berhubung, menyalurkan aduan dan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” jelasnya.



**PENGUAT Kuasa DBKL ketika melakukan operasi penutupan hotel dikendalikan warga asing di Kuala Lumpur. – IHŞAN DBKL**